

WARNA-WARNI TUMBUHAN PEPANJAT

Pepanjat ialah tumbuhan yang berakar di tanah dan kemudian memanjat pada pokok yang lain untuk mendapatkan cahaya matahari. Secara umumnya, terdapat 80 genus daripada 40 keluarga tumbuhan pepanjat di Semenanjung Malaysia. Tumbuhan pepanjat mempunyai peranan yang penting sebagai satu daripada komponen utama di hutan hujan tropika.

Tumbuhan pepanjat dapat dibezakan melalui beberapa ciri seperti rupa bentuk

batang, keratan batang yang melibatkan warna kayu, corak keratan serta luahan keratan batang sama ada merah, putih atau kuning. Selain itu, bau merupakan satu daripada ciri untuk pengecaman.

Bagi membolehkan tumbuhan ini memanjat untuk mendapatkan sumber cahaya matahari, terdapat beberapa pengubahsuaian dilakukan pada tumbuhan ini, antaranya termasuklah cangkuk, duri, sirus (*cirrus*), flagelum (*flagella*), sulur paut, batang yang



Luahan berwarna merah pada batang *Kunstleria curtisii* (Fabaceae).



Keratan batang *Fibraurea ticntoria* (Menispermaceae).



Keratan batang *Indorouchera griffithiana* (Linaceae).



Getah berwarna putih pada batang *Willughbeia edulis* (Apocynaceae).



Dahan tigmonasti.



Cangkuk.



Sirus.



Duri



Sulur paut.



Flagelum.

fleksibel dan dahan tigmonasti (*thigmonastic*). Struktur sirus yang terletak pada hujung daun dan flagelum merupakan pengubahsuaian bahagian jambak bunga yang terdapat pada kumpulan rotan sahaja. Struktur ini kelihatan seperti sulur paut yang berduri.

Pada kebiasaannya, spesies pepanjat boleh mencapai ketinggian pada lapisan kanopi, iaitu lapisan teratas dalam struktur hutan. Yang menariknya, apabila tiba musim bunga, kanopi hutan dihiasi dengan warna-warni tumbuhan bunga pepanjat seperti spesies *Bauhinia kockiana*.


Keistimewaan tersebut menjadikan spesies pepanjat sebagai satu daripada spesies yang popular bagi tumbuhan landskap. Antara tumbuhan pepanjat yang sering dijadikan tumbuhan landskap termasuklah *Antigonon leptopus* (Air mata pengantin), *Bauhinia kockiana* (tapak kuda), *Quisqualis indica* (akar dani), *Thunbergia laurifolia* (akar tuau) dan

Vallis glabra (kesidang). Tumbuhan pepanjat ini biasanya ditanam pada pagola atau lebih dikenali sebagai pagar. Tumbuhan pepanjat yang berwarna-warni ini dapat memberikan pemandangan dan suasana yang segar untuk dilihat dan dihiasi sekitar kawasan.

Spesies pepanjat yang terdapat di dalam hutan juga tidak kurang istimewanya dari aspek kepelbagaian warna bunganya sehingga menjadi

tarikan kepada fauna. Warna bunga yang dapat dilihat pada spesies pepanjat ini termasuklah merah, merah jambu, jingga, kuning, putih, ungu, dan terdapat juga bunga yang berwarna hijau. Antara spesies pepanjat tersebut termasuklah *Hoya coronaria* (hoya), *Passiflora foetida* (buah leletup), dan *Caesalpinia trista* (kuku tupai).

Spesies *Hoya coronaria* banyak ditemukan di kawasan pantai berbatu. Bunganya berwarna putih dan



Antigonon leptopus (air mata pengantin).

Keunikan dari aspek kepelbagaian warna bunga dan biji spesies pemanjat ini menjadi tarikan dan sering digunakan sebagai tanaman landskap dan barang perhiasan seperti gelang tangan.

batangnya mengeluarkan getah berwarna putih apabila dipatahkan. Bagi spesies *Passiflora foetida* atau buah leletup pula, biasanya ditemukan di kawasan atau tempat yang terbuka. Tumbuhan ini akan menjalar ke atas pokok lain dan ada juga yang menjalar di atas tanah. Daun buah leletup ini berbulu lembut seperti baldu apabila disentuh, manakala bunganya berwarna putih keunguan. Buah tumbuhan ini berwarna kuning apabila matang dan boleh dimakan.

Spesies *Caesalpinia bonduc* atau kuku tupai banyak yang tumbuh meliar di kawasan tepi laut. Batang dan pelepah daun tumbuhan ini dipenuhi dengan duri yang berbentuk seperti cangkuk. Nama kuku tupai diambil bersempena dengan duri tersebut. Bunganya berwarna kuning hingga jingga dalam jambak bunga yang panjang.

Terdapat juga spesies pemanjat yang mempunyai buah yang berwarna

terang seperti pada spesies *Abrus precatorius* (akar saga), *Cayratia mollissima* (charek merah), *Salacia macrophylla* (nasi sejuk) dan *Agelaea borneensis* (akar kacang). Spesies *Abrus precatorius* atau lebih dikenali dengan nama akar saga mempunyai biji yang berwarna merah terang dan berbelang hitam. Keunikan warna biji spesies ini menjadikannya sering digunakan sebagai barang perhiasan seperti gelang tangan.

Sementara itu, buah *Cayratia mollissima* atau charek merah mempunyai buah yang cantik yang berwarna merah jambu. Walaupun spesies ini sama dengan keluarga anggur, buah spesies ini beracun. Hal ini dikatakan demikian kerana jika sesiapa termakan buah ini, boleh menyebabkan si pemakannya mengalami kesakitan yang teramat sangat.

Salacia macrophylla ialah spesies pemanjat yang banyak ditemukan di kawasan lantai hutan dan di kawasan



Bauhinia kockiana (akar tapak kuda).



Quisqualis indica (akar dani).



Hoya coronaria (hoya).



Vallaris glabra (kesidang).



Thunbergia laurifolia (akar tuau).



Passiflora foetida (timun padang, buah leletup dan buah ulat bulu).


Sumber: Rafidah A. R.



Caesalpinia bonduc (kuku tupai).



Salacia macrophylla (nasi sejuk).



Abrus precatorius (akar saga).



Agelaea borneensis (akar kankacang).

hutan pantai. Buah spesies nasi sejuk ini berbentuk bulat dan berwarna merah jingga apabila masak. Buah ini juga sangat enak dimakan kerana mempunyai rasa yang sangat manis seperti buah mata kucing.

Pepanjat *Agelaea borneensis* atau akar kankacang mudah ditemukan di kawasan terbuka di pinggir hutan dan mudah dikenali dengan ciri daunnya

yang berbulu seperti baldu. Buahnya yang berwarna merah terang sangat menarik perhatian apabila melihatnya, tetapi buah pepanjat ini tidak boleh dimakan. Terdapat juga spesies yang mempunyai warna pada daun yang jelas berbeza seperti warna daun pada spesies *Pericampylus glaucus* atau akar mengkunyit. Daunnya yang berwarna putih menjadikan ia mudah dikenali.



Pericampylus glaucus (akar mengkunyit).



Cayratia mollissima (charek merah).

Bagi penggemar tumbuhan hiasah, tumbuhan pepanjat tidak lagi asing untuk dijadikan pilihan sebagai tanaman hiasan pagola atau pagar. Namun begitu, masih banyak lagi spesies pepanjat yang cantik dengan pelbagai warna bunga, buah, dan daun yang terdapat di hutan semula jadi yang belum diteroka. Kepelbagaian flora ini yang menjadikan hutan kelihatan lebih menarik serta mesti dilindungi dan dipelihara untuk warisan akan datang. 